

20/08/2000

Keutamaan saya pembangunan insan

APABILA Dr Mohamad Khir Toyo diumumkan Menteri Besar baru Selangor, ramai yang terkejut. Ini kerana beliau bukan ahli Exco atau Ketua Bahagian, malah usianya baru mencecah 35 tahun.

Namun, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ada kriteria tersendiri mengapa beliau memilih Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Panjang itu sebagai Menteri Besar menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Berikut wawancara wartawan Berita Minggu, Minarni Mat Saad dan Halmi Samad dengan beliau di Bangunan Umno Selangor di Shah Alam semalam dan di rumahnya di Sekinchan, malam kelmarin.